

# Kedah sasar bina PPR setiap DUN 5 tahun lagi

➤ Usaha pastikan rakyat miskin, berpendapatan rendah mampu memiliki rumah



Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

Jerlun

**K**erajaan negeri menyasar 36 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negeri ini, akan mempunyai Projek Perumahan Rakyat (PPR) dalam tempoh lima tahun akan datang, bagi memastikan rakyat miskin dan berpendapatan rendah memiliki rumah.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata sasaran '1PPR 1DUN' itu dibuat kerana pihaknya menerima banyak permohonan rumah daripada rakyat setiap tahun.

Katanya, setakat ini, tujuh PPR sudah diwujudkan di tujuh kawasan DUN dengan kos keseluruhan RM704 juta membabitkan pembinaan 3,228 unit rumah.

"Daripada jumlah itu, 312 rumah di Kepala Batas, Jitra sudah siap dibina pada bulan lalu dengan kos RM50 juta, manakala tiga daripadanya sedang dalam pembinaan membabitkan 1,416 unit rumah dengan kos RM254 juta di PPR Kampung Kilat, Alor Setar; Kuala Nerang dan Ayer Hitam.

#### Sedia peruntukan RM400 juta

"Dalam perancangan kita pula, 1,500 unit rumah akan dibina dengan peruntukan RM400 juta membabitkan tiga DUN iaitu Bakar Bata, Kuah dan Ulu Melaka, Langkawi.

"Pemohon yang layak boleh mendapatkan borang permohonan rumah PPR di Pejabat Daerah dan Pejabat Perumahan Wisma Negeri," katanya selepas Majlis Pe-

Dalam perancangan kita pula, 1,500 unit rumah akan dibina dengan peruntukan RM400 juta membabitkan tiga DUN iaitu Bakar Bata, Kuah dan Ulu Melaka, Langkawi"

**Ahmad Bashah Md Hanipah,**  
Menteri Besar Kedah

cah Tanah PPR Ayer Hitam di sini, petang semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Bina Darulaman Berhad (BDB), Datuk Izham Yusoff.

#### Bina 630 rumah teres setingkat

Pada majlis itu, BDB menerusi anak syarikatnya, BDB Synergy Sdn Bhd akan membina 630 rumah teres setingkat membabitkan kos RM100 juta di bawah PPR Ayer Hitam, di sini.

Rumah terbabit akan dibina atas tanah seluas 25 hektar dengan keluasan setiap rumah 700 kaki persegi dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur.

Projek pembangunan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2019.